PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK HAJI AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB [MACHANG]

TARIKH : 15 OKTOBER 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 24

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perancangan sebenar yang ingin dilakukan oleh pihak Kementerian terhadap 21 Institut Pengajian Guru (IPG) yang dikatakan akan ditutup.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin memaklumkan bahawa KPM tidak mempunyai cadangan untuk menutup Institut Pendidikan Guru (IPG). Perkara ini telah dijelaskan melalui Kenyataan Media oleh KPM yang dikeluarkan pada 10 September 2019 yang bertajuk '*21 IPG Tutup Tahun Hadapan Tak Benar*'.

Kesemua 27 IPG di seluruh negara adalah dikekalkan bagi melaksanakan fungsi latihan perguruan serta latihan pembangunan profesionalisme guru dalam perkhidmatan. Walau bagaimanapun, satu jawatankuasa khas sedang dibentuk bagi meneliti perancangan khusus dan hala tuju IPG.

Sekian, terima kasih.